

# Selangor laksana projek keusahawanan sosial

MyMetro (<https://www.hmetro.com.my>) > Mutakhir (<https://www.hmetro.com.my/mutakhir>)



KETUA Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim (kanan). FOTO Norzamira Che No

**Norzamira Che Noh**  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

(mailto:)

EMPAT lokasi iaitu Kuala Selangor, Shah Alam serta Bukit Antarabangsa (Selangor) dan Kampong Speu di Kemboja dipilih sebagai kawasan rintis untuk projek keusahawanan sosial dalam pengurangan risiko bencana yang akan dijalankan bermula tahun ini.

Ketua Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata projek berkenaan bertujuan untuk memupuk daya tahan masyarakat dalam jangka panjang terhadap bencana berkaitan perubahan iklim di Malaysia dan Kemboja.

"Ini (daya tahan) boleh dicapai dengan memperkasakan usahawan sosial untuk membangunkan Pelan Daya Tahan Bencana (DRR) menerusi penggunaan sistem maklumat geografi (GIS) serta teknologi sumber orang ramai.

"Projek ini membabitkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan keupayaan dalam tempoh tiga tahun terhadap bahaya muncul cepat banjir kilat, tanah runtuh serta bahaya muncul lambat seperti kenaikan paras air laut dan kemasinan air bawah tanah," katanya.

Beliau berkata sedemikian pada majlis perasmian bengkel memupuk keusahawanan sosial dalam pengurangan risiko bencana untuk membangunkan komuniti berdaya tahan di Shah Alam, hari ini.

Turut hadir adalah Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia, Julia Bentley dan Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim.

Ahmad Fairuz berkata, projek berkenaan turut memperoleh dana sebanyak RM1.5 juta daripada International Development Research Centre (IDRC) iaitu sebuah agensi kerajaan Kanada.

Katanya, Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara di Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI-UKM) akan menjalankan projek dengan kerjasama Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Pertubuhan Perkhidmatan Pengurangan Risiko Bencana Malaysia (MDRRSO) dan Royal University of Phnom Penh di Kemboja.

"Jawatankuasa Pemandu akan diketuai oleh UPBN dan turut disertai Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) Malaysia; Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan ASM.

"Manakala untuk kualiti penyelidikan dipantau oleh Jawatankuasa Sains yang terdiri daripada pakar antarabangsa dari Kanada, United Kingdom dan Jepun," katanya.

Beliau berkata, DRR dijangka dapat membantu kerajaan negeri serta wilayah Kampung Speu membangunkan strategi pengurangan risiko bencana tempatan yang akan memberi manfaat kepada 5.79 juta orang (Selangor, Malaysia) dan 716,517 (Kamboja).

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 21 January 2020 @ 5:06 PM



(<https://www.hmetro.com.my/umum-kabinet/hm/index.html>)

## Berita Berkaitan



(/mutakhir/2018/07/354643/3-matlamat-pembangunan-mampan-relevan)

**3 Matlamat Pembangunan Mampan relevan**

(/mutakhir/2018/07/354643/3-matlamat-pembangunan-mampan-relevan)



(/mutakhir/2015/03/37095/bentuk-semula-agensi-pengurusan-bencana)

**Bentuk semula agensi pengurusan bencana**

(/mutakhir/2015/03/37095/bentuk-semula-agensi-pengurusan-bencana)



(/mutakhir/2019/08/489082/selangor-boleh-ramal-bencana-menjelang-2022-metrotv)

**Selangor boleh ramal bencana menjelang 2022 [METROTV]**

(/mutakhir/2019/08/489082/selangor-boleh-ramal-bencana-menjelang-2022-metrotv)



(/node/157846)

**PDRM lestari, masyarakat sejahtera (/node/157846)**

(/mutakhir/2019/11/515115/elak-bahan-kimia-masuk-sungai-klang)

**Elak bahan kimia masuk Sungai Klang (/mutakhir/2019/11/515115/elak-bahan-kimia-masuk-sungai-klang)**

(/mutakhir/2018/07/354273/tpm-terbabit-lima-acara-penting)

(/hati/2018/07/359842/cegah-risiko-siber)

**Cegah risiko siber (/hati/2018/07/359842/cegah-risiko-siber)**

TPM terbabit lima acara penting (/mutakhir/2018/07/354273/tpm-terbabit-lima-acara-penting)

(/mutakhir/2015/03/37290/ulangi-minat-projek-tren-laju)  
Ulangi minat projek tren laju (/mutakhir/2015/03/37290/ulangi-minat-projek-tren-laju)

## Popular

---

## Mutakhir

---


- Kurniawan kecewa misi tak tercapai (/arena/2020/03/553347/kurniawan-kecewa-misi-tak-tercapai)
- Makin tua makin berbisa (/arena/2020/03/553344/makin-tua-makin-berbisa)
- Muhyiddin mampu bertahan, PH hilang kelebihan kerusi - Tun M (/mutakhir/2020/03/553342/muhyiddin-mampu-bertahan-ph-hilang-kelebihan-kerusi-tun-m)
- UEFA tolak permintaan Wolves tunda perlawanan (/arena/2020/03/553340/uefa-tolak-permintaan-wolves-tunda-perlawanan)
- GR Supra warnai Super GT Jepun (/vroom/2020/03/553338/gr-supra-warnai-super-gt-jepun)
- Aksi City, Arsenal tertangguh (/arena/2020/03/553336/aksi-city-arsenal-tertangguh)
- Lobster tanpa permit dirampas (/mutakhir/2020/03/553334/lobster-tanpa-permit-dirampas)
- Covid-19: New York kerah Pengawal Negara (/global/2020/03/553332/covid-19-new-york-kerah-pengawal-negara)
- Tak serik-serik... (/mutakhir/2020/03/553328/tak-serik-serik)
- Wahid pertahan pelantikan Zafrul (/mutakhir/2020/03/553326/wahid-pertahan-pelantikan-zafrul)
- Lambakan pelaling, peraih kaut untung (/mutakhir/2020/03/553324/lambakan-pelaling-peraih-kaut-untung)
- Muhyiddin pengerusikan mesyuarat pertama Kabinet (/mutakhir/2020/03/553321/muhyiddin-pengerusikan-mesyuarat-pertama-kabinet)
- Terkedu premis diserbu (/mutakhir/2020/03/553319/terkedu-premis-diserbu)
- Georgetown dilanda banjir kilat (/mutakhir/2020/03/553317/georgetown-dilanda-banjir-kilat)
- Menteri Kesihatan UK positif Covid-19 (/global/2020/03/553315/menteri-kesihatan-uk-positif-covid-19)

□ Lagi Berita (/mutakhir)



(<https://www.hmetro.com.my/umum-kabinet/hm/index.html>)

# Info Grafik



**KABINET MALAYSIA 2020**  
 TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN  
 MENTERI: [List of Ministers]

**MH17: PERBICARAAN BERMULA 9 MAC**  
 APA YANG DIKETAHUI SETAKAT INI? Pada 17 Julai 2014, MH17 dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ditembak jatuh oleh peluru berpandu darat ke utara Dangkalan di ruang udara timur Ukraine dekat Donetsk. Ini disahkan oleh laporan Lembaga Keselamatan Belanda.  
 PENUMPANG: 283 Orang Warganegara: 43 Malaysia  
 • MH17 Berlepas dari Lapangan Terbang Schiphol Amsterdam • MAS mengesahkan telah terlepas hantaran 30 km dari tarak • Terlepas berhampiran Torok di Donetsk Oblast, Ukraine, kira-kira Kuala Lumpur Malaysia

**PENCAPAI**  
 Pemeriksaan wanita domain terpilih 2019  
 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (NPTB) 55.2%  
 Anjutan perniagaan RM

Lagi Info Grafik > (/infografik)



- (/)
- (<https://www.facebook.com/harianmetro>) (<https://twitter.com/hmetromy>) (<http://instagram.com/hmetromy>) (<https://www.youtube.com/hmetromy>)
- (<https://plus.google.com/communities/116855719367386087691>)
- (<http://www.hmetro.com.my/RSS>) (<https://www.pinterest.com/hmetromy/>)

© 2020 Harian Metro,  
 New Straits Times Press (M) Bhd.  
 A part of Media Prima Group.  
**Hubungi Kami (/hubungi-kami)**  
**Team myMetro (/sidang-pengarang-harian-metro)**  
**RSS Feed (/RSS)**  
**Disclaimer (/disclaimer)**  
**Notis Perlindungan Data Peribadi (/privasi)**

	Utama	Mutakhir	Global	Foto Pilihan Info Grafik
Berita	(/utama)	(/mutakhir)	(/global)	(/foto) (/infografik)
Arena	Rap/Selebriti	Bisnes	MetroTV	
(/arena)	(/rap)	(/bisnes)	(/mymetrotv)	

**Langganan**  
 HM ePaper (<http://subscription.nstp.com.my/>)